

Kemarau: Tidak perlu catuan air sehingga kini

TANGKAK 14 Mac - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan mendapatkan maklumat terperinci mengenai paras air di empangan seluruh negara sama ada perlu catuan atau sebaliknya ketika cuaca panas melampau melanda negara kini.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, kementerian akan meminta pihak berkaitan memberi taklimat mengenai situasi tersebut dalam masa terdekat untuk melihat tindakan susulan yang perlu dilakukan.

“Buat masa ini belum ada sebarang keputusan sama ada perlu catuan atau tidak perlu sehingga taklimat mengenainya diadakan pada Rabu ini dalam mesyuarat menangani isu cuaca panas dan kering yang melanda negara.

“Cuaca panas yang melanda negara kini berlaku setiap tahun, malah suhu ketika ini hampir menyamai pada 1997 cuma kali ini lebih teruk dan dijangka lebih panjang,” katanya demikian selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Muar Fasa II di Kampung Belemang, Sungai Mati, di sini hari ini.

Yang turut hadir timbalannya,



Buat masa ini belum ada sebarang keputusan sama ada perlu catuan atau tidak perlu sehingga taklimat mengenainya diadakan pada Rabu ini dalam mesyuarat menangani isu cuaca panas dan kering yang melanda negara.”

WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
Menteri Sumber Asli
dan Alam Sekitar

Datuk Ir. Hamim Samuri merangkap Ahli Parlimen Tangkak dan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ayub Rahmat.

Menurut Wan Junaidi, Alor Setar, Kedah masih merekodkan suhu panas tertinggi sehingga kini dengan catatan 38.5 darjah Celsius diikuti Chuping, Perlis pada 38.2 darjah Celsius.